

# Makanan Halal Menurut Perspektif Islam dan Kepentingan Pelabelan

**BITARA**Volume 2, Issue 3, 2019: 070-084  
© The Author(s) 2019  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>Asiah Shafie<sup>1</sup>, Mohd Arif Nazri<sup>1</sup> & Haziyah Hussin<sup>1</sup>

## Abstrak

Perbincangan tentang makanan halal menurut perspektif Islam dapat dirujuk melalui nas al-Quran dan al-Hadith khususnya dalam menjelaskan manfaatnya terhadap kesihatan dan kehidupan manusia. Tujuan artikel ini adalah untuk menjelaskan kepentingan makanan halal bagi membuktikan kebenaran dan perintah Allah perlunya mengambil makanan halal lagi baik. Berikutan masyarakat pada hari ini hanya tahu makanan halal adalah yang mempunyai logo halal tanpa mengetahui apakah ciri-ciri makanan halal. Artikel ini turut memfokuskan kepada pelabelan makanan dengan melihat ciri-ciri, fungsi serta syarat pelabelan yang perlu dipatuhi oleh pengeluar makanan bagi memberi pengetahuan kepada pengguna untuk memilih barangan terbaik. Hal ini kerana begitu banyak lambakan makanan, sehingga memerlukan masa untuk dikaji, maka keperluan penggunaan label perlu dibuat dengan syarat menepati undang-undang pelabelan. Pelabelan makanan yang tepat memainkan peranan penting dalam bidang pemasaran dan pengedaran makanan, iaitu membekalkan maklumat kepada pengguna di samping bermanfaat dalam penjualan. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengambil pendekatan analisis kandungan daripada sumber-sumber seperti buku-buku ilmiah, kitab turath, jurnal, akhbar dan website diteliti dan dianalisis secara deskriptif. Artikel ini akan memberi manfaat kepada banyak pihak bukan sahaja bagi pengguna, malah termasuk pengeluar produk di pasaran.

## Kata Kunci

Makanan Halal, Label, Kepentingan

### Cite This Article:

Asiah Shafie, Mohd Arif Nazri & Haziyah Hussin. 2019. Makanan halal menurut perspektif Islam dan kepentingan pelabelan. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(3): 070-084.

## Pengenalan

Akhir-akhir ini pengguna Muslim menitik berat dalam soal produk makanan yang halal. Seiring dengan usaha serta langkah yang telah diambil dengan wujudnya pelancaran kempen kesedaran ke setiap negeri melalui lawatan dan liputan media seperti jurnal dan buletin halal di televisyen, radio dan internet (Hifzah Rahimah & Zhafran Helmi 2010). Malah usaha yang berbentuk global turut dilaksanakan seperti mempromosikan produk halal di peringkat antarabangsa melalui *International Halal Showcase* (MIHAS) serta Halal Festival (Halfest) sehingga Malaysia berpotensi menjadi pusat halal dunia (Suhaila 2010). Halal berasal daripada perkataan

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

### Corresponding Author:

Mohd Zamro Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.  
E-mail: zamro@ukm.edu.my

Arab yang ditakrifkan dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat sebagai hukum membenarkan sesuatu perbuatan dilakukan dalam Islam, diperbolehkan atau dibenarkan. Antara matlamat makan dan minum dalam Islam ialah memelihara jiwa dan akal. Pengetahuan mengenai makanan halal sangat penting bagi pengguna Muslim untuk membuat pilihan yang betul dan tepat. Ini disokong oleh Zalina (2008) bahawa setiap orang Islam perlu memastikan sumber makanan yang diambil adalah halal serta proses penghasilannya selaras dengan garis panduan syariah. Menurut Zainal Abidin dan Rezai (2009), pengguna lebih berhati-hati dalam menilai kehalalan semua jenis produk makanan dengan merujuk kepada senarai kandungan bahan bagi mendapatkan produk tersebut.

Kehalalan sesuatu makanan adalah berdasarkan sifat dan zat sesuatu makanan yang dinyatakan secara jelas dalam al-Quran dan al-Sunnah. Allah SWT menjelaskan bahawa yang diharamkan adalah makanan yang baik (Asmak & NoorFazreen, 2010). Islam telah menggariskan beberapa prinsip yang perlu dipatuhi antaranya, mengenal pasti cara memperoleh makanan sama ada secara halal atau haram, sentiasa memastikan makanan bukan ditegah oleh syarak, menitik beratkan cara penyediaan dan pemprosesan makanan serta memastikan agar makanan atau bahan yang digunakan tidak mendatangkan kemudaratan pada tubuh badan dan akal fikiran.

Pemilihan sumber makanan dan produk barangan halal sememangnya menjadi keutamaan bagi pengguna Muslim sehinggakan telah sebatikan dan menjadi satu budaya bagi mereka. Pada permulaannya logo halal hanya tertumpu kepada golongan Muslim sahaja sama ada pengguna atau pengeluar produk. Namun kini mendapat sambutan yang baik juga dari kalangan pengguna dan pengeluar bukan Muslim termasuk dari dalam dan luar negara. Ini membuktikan penerimaan yang baik dalam penggunaan logo halal oleh semua pengguna dan pengeluar tanpa mengira bangsa, agama, kaum, negara dan budaya. Malangnya, menurut Lokman (2005) terdapat segelintir peniaga yang mengambil kesempatan di atas kelebihan ini dengan menjadikan logo halal sebagai *marketing tool* untuk memenangi hati pengguna. Mereka beranggapan bahawa tanpa adanya label halal sukar bagi mereka untuk memasarkan produk. Malah terdapat juga pihak pengeluar yang tidak bertanggungjawab menyalahgunakan logo halal demi mengejar keuntungan semata-mata dengan memakai logo halal pada semua barangan tidak kira apa jenis produk yang dipasarkan berdasarkan kenyataan Jamilul Anbia dan Kasdi Ali (2011).

Selain itu, pengguna hari ini terdedah kepada banyak label dalam pasaran makanan. Oleh itu, untuk pengguna Malaysia, kewujudan label pada produk makanan telah menjadi subjek kepentingan. Beberapa label yang mengelirukan dan boleh menimbulkan kekeliruan kepada pengguna. Walaupun meningkatkan kesedaran di kalangan pengguna, masih ramai di antara mereka mempunyai masalah dengan pemahaman istilah dan konsep label makanan saintifik (Zul Ariff, 2013). Label merupakan identiti bagi sesuatu produk. Pelabelan pada produk mesti mengikut garis panduan percetakan yang betul supaya tidak mudah luntur atau rosak dan tidak mudah tertanggal serta terletak pada bahagian yang betul, dapat dilihat dan dibaca dengan jelas. Beberapa industri memerlukan penggunaan label pada produk mereka seperti industri makanan & minuman, farmasi, penjagaan diri, kosmetik dan bahan kimia (Azim & Zunaidah, 2018). Jelas di sini, semua produk memerlukan label pada terutama produk makanan, tambahan pula masyarakat hari ini amat menitik berat soal halal haram dalam kehidupan seharian bagi

memenuhi seruan Allah SWT agar mengamalkan makanan yang halal lagi baik. Oleh itu, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk menjelaskan kepentingan makanan halal serta hal-hal berkaitan dengan pelabelan.

## Makanan dalam al-Quran dan Hadith

Pengambilan makanan mestilah selari dengan seruan Allah SWT agar memakan makanan yang halal yang bersifat elok, baik atau tinggi mutunya. al-Quran banyak menitik berat soal kepentingan halal haram terutama berkait tentang makanan. Muslim dibenarkan makan apa yang baik iaitu yang murni, bersih, sihat, berkhasiat, dan menyenangkan selera.

Menurut Yusuf al-Qaradhawi dalam *al-Halal wa al-Haram* : “Mustahil bagi Allah SWT untuk menciptakan semua barangan ini untuk memudahkan manusia serta dikurniakan-Nya buat mereka semua ini. Kemudian, diharamkan-Nya kepada manusia dari semua barangan itu dengan tetap menjadikannya haram pula kepada mereka. Jika demikian, apa hikmahnya ianya diciptakan untuk manusia menikmatinya? Tentulah ianya bertentangan sama sekali. Tetapi sebenarnya, Allah SWT hanya mengharamkan sebahagian dari barangan itu. Dengan itu juga, lingkungan pengharaman dalam syariat Islam itu sangat sempit. Malah lingkungan penghalalannya pula sangat luas. Ini kerana nas-nas yang sahih lagi jelas membawa tentang hukum pengharaman itu sangat sedikit. Di samping itu, mana yang tidak ada nas dari hal penghalalannya atau pengharamannya, maka dihukumkan tetap di atas hukum asalnya, iaitu *mubah* (dibolehkan) atau dikategorikan dalam lingkungan yang dimaafkan oleh Allah SWT.

Dalam hal ini telah dinyatakan dalam sebuah hadis nabi SAW menerusi sebuah riwayat daripada *Salman al-Farisi RA*, katanya: “Rasulullah SAW pernah ditanya tentang hukum minyak sapi, keju dan keldai liar, lalu Baginda SAW menjawab:

الْحَلَالُ مَا أَحَلَّ اللَّهُ فِي كِتَابِهِ وَالْحَرَامُ مَا حَرَّمَ اللَّهُ فِي كِتَابِهِ وَمَا سَكَتَ عَنْهُ فَهُوَ مِمَّا عَفَا لَكُمْ

Maksudnya: “Yang halal itu ialah sesuatu yang dihalalkan Allah SWT di dalam Kitab-Nya dan yang haram itu sesuatu yang diharamkan Allah SWT di dalam Kitab-Nya. Dan mana-mana yang didiamkan-Nya sahaja, maka ianya termasuk apa yang dimaafkan buat kamu.” (Riwayat al-Tirmizi & Ibn Majah)

Daripada Abu Hurairah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا، وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ فَقَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُّوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا – وَقَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ – ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ يَا رَبِّ يَا رَبِّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغَدِي بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابَ لَهُ.

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah Maha Baik dan hanya menerima yang baik. Sesungguhnya Allah telah memerintahkan orang-orang yang beriman untuk (melakukan) perintah yang disampaikan kepada para nabi. Kemudian beliau membaca firman Allah, ‘Wahai rasul-rasul, makanlah dari makanan yang baik-baik

dan kerjakanlah amalan yang soleh.’ Dan firman-Nya, ‘Wahai orang-orang yang beriman, makanlah dari makanan yang baik-baik yang telah Kami anugerahkan kepadamu. ’Kemudian beliau menceritakan seorang lelaki yang melakukan perjalanan jauh (lama), tubuhnya diliputi debu lagi kusut, diamenadah tangannya ke langit dan berdoa, ‘Ya Rabbku, ya Rabbku’. Akan tetapi makanannya haram, minumannya haram, dan ia diberi makan dengan yang haram. Maka bagaimana mungkin doanya dikabulkan.” (Riwayat Muslim)

Ibn Rajab al-Hanbali berkata: “Daripada sebesar-besar yang menghasilkan amalan yang baik bagi orang yang beriman adalah baik makanannya, iaitu daripada punca dan sumber yang halal. Dengan demikian akan membawa kepada baik dan suci amalannya. Hadis ini menunjukkan bahawa tidak diterima amalan dan tidak suci serta bersih kecuali dengan makanan yang halal” (Bayan Linas 2016).

## Definisi Makanan

Makanan dalam bahasa Arab ialah *Aʿimah* jamak kepada *Taʿam* yang membawa maksud merasai sesuatu sama ada manis, masin, masam, pahit dan sebagainya (Che Wan Jasimah, 2000). Phuah Kooi Ean (2006) mendefinisikan bahan yang boleh dimakan dan digunakan oleh badan bagi mendapatkan kekuatan badan dan melaksanakan fungsinya. Taʿam ialah nama keseluruhan bagi setiap yang dimakan dan ada yang mengatakan ia dikhususkan kepada gandum. Lafaz *taʿam* di sebut 24 kali di dalam al-Quran (Zulkifli, 2009). Firman Allah swt:

وَإِذْ قُلْتُمْ يَا مُوسَىٰ لَنْ نَصْبِرَ عَلَىٰ طَعَامٍ وَاحِدٍ فَادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُخْرِجْ لَنَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ مِنْ  
بَقْلِهَا وَقِثَّائِهَا وَفُومِهَا وَعَدَسِهَا وَبَصَلِهَا

Maksudnya: Dan (kenangkanlah) ketika kamu berkata: “Wahai Musa! Kami tidak sabar (sudah jemu) dengan makanan yang semacam sahaja, maka pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya dikeluarkan bagi kami sebahagian dari apa yang tumbuh di bumi, dari sayur-sayurannya, dan mentimunnya, dan bawang putihnya, dan kacang dalnya, serta bawang merahnya”. (surah al-Baqarah 2:61)

Firman Allah swt:

﴿ كُلُّ الطَّعَامِ كَانَ حَلَالًا لِّبَنِي إِسْرَائِيلَ إِلَّا مَا حَرَّمَ إِسْرَائِيلُ عَلَىٰ نَفْسِهِ مِنْ قَبْلِ أَنْ تُنَزَّلَ  
التَّوْرَةُ ۗ قُلْ فَأْتُوا بِالتَّوْرَةِ فَاتْلُوهَا إِن كُنتُمْ صَادِقِينَ ﴿١٤٣﴾

Maksudnya: Segala jenis makanan dahulunya adalah halal bagi bani Israel, kecuali makanan yang diharamkan oleh Israel (nabi Yaakub) kepada dirinya sendiri

sebelum diturunkan kitab Taurat. Katakanlah (wahai Muhammad): “(Jika ada makanan yang diharamkan kepada kamu- wahai bani Israel- sebelum kitab Taurat diturunkan) maka bawalah kamu kitab Taurat itu kemudian bacalah akan dia, kalau betul kamu orang-orang yang benar”. (Surah al-<sup>c</sup>Imran 3:93).

Firman Allah swt:

الْيَوْمَ أُحِلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ لَكُمْ وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَهُمْ

Maksudnya: Pada masa ini dihalalkan bagi kamu (memakan makanan) yang lezat-lazat serta baik-baik. Dan makanan (sembelihan) orang-orang yang diberikan kitab itu adalah halal bagi kamu, dan makanan (sembelihan) kamu adalah halal bagi mereka (tidak salah kamu memberi makanan kepada mereka) (surah al-Ma'idah 5:5).

Firman Allah swt:

فَلْيَنْظُرِ الْإِنْسَانُ إِلَى طَعَامِهِ

Maksudnya: (Kalaulah kiranya ia tidak memikirkan asal dan kesudahan dirinya), maka hendaklah manusia melihat kepada makanannya (bagaimana kami mentadbirkannya) (Surah 'Abasa 80:24).

*Ṭa'am* di dalam al-Quran mengandungi beberapa makna:

1. Sejenis makanan, iaitu *al-mann* (roti) dan *al-salwā*. Maksud ini ada dalam surah *al-Baqarah* ayat 61, di mana *ṭa'am* di sini dikaitkan dengan “wahid” yang ertinya satu; ini adalah pendapat Ibn Kāthir dan al-Sābūnī. Ibn Kathir berkata, “Bani Israel mengatakan “*ṭa'am wāhid*” iaitu *al-mann wa al-salwā* kerana mereka memakan kedua-duanya setiap hari dan tidak berubah.
2. *Ṭa'am* juga bermaksud mencakupi semua jenis makanan seperti dalam surah *Āl-<sup>c</sup>Imrān* ayat 93. *Ṭa'am* yang dihuraikan oleh al-Quran dapat dibahagi dalam tiga kategori utama iaitu *nabāti*, *haiwani* dan *olahan* (Zulkifli Yusoff 2009).

## Definisi Makanan Halal

Halal merujuk kepada segala perbuatan dan perkataan yang berpandukan al- Quran dan Sunnah (Salman & Siddiqui, 2012). Halal merangkumi segala aspek termasuk produk kosmetik, penjagaan diri, makanan dan perkhidmatan. Oleh yang demikian, takrif halal merangkumi produk dan perkhidmatan yang diperihalkan sebagai halal atau dengan apa-apa ungkapan lain bagi menunjukkan ianya boleh digunakan oleh pengguna Islam (Zawanah Muhammad et al. 2008). Secara umumnya, halal adalah satu istilah yang menggambarkan makanan yang halal bagi umat Islam untuk mengambil, mengikut undang-undang pemakanan Islam seperti yang

terdapat dalam al-Quran, Hadith dan dalam fiqh (perundangan) daripada pakar undang-undang Islam. (Sharifah Zannierah.2017)

Manakala, makanan halal adalah bahan makanan yang murni dalam kaedah pemerolehannya, berkhasiat dalam kualiti dan bebas daripada sebarang aspek yang boleh menjejaskan konsep halalan tayyiba (Harlida & Alias 2014). Menurut al-Ghazali (2000) makanan halal bukan sahaja boleh digunakan oleh bukan muslim, bahkan mereka boleh menghasilkan makanan halal untuk dinikmati oleh pengguna Muslim dengan mematuhi prinsip yang telah digariskan oleh Islam. Mohazer et al. 2016, salah satu faktor kesedaran masyarakat terhadap pengambilan makanan yang halal ialah agama. Pengguna Islam menjadi lebih prihatin terhadap produk makanan yang halal. Oleh itu, setiap logo halal dunia sama ada dalam huruf Arab atau Roman, yang dipaparkan pada produk dan premis menjadi tarikan khusus kepada pengguna Islam. Oleh yang demikian, aspek utama rangkaian produk bekalan makanan halal dan logistik halal mesti dilindungi dan tidak ada campuran antara halal dan haram sehingga sampai kepada pengguna (Tieman 2011; Lodhi 2009).

## Kriteria Makanan dan Pemakanan

### 1. Makanan dan Pemakanan dalam Islam

Dalam Islam, undang-undang halal dan haram digunakan sepenuhnya untuk menggambarkan produk makanan, daging, kosmetik, produk penjagaan diri, bahan makanan dan minuman dan banyak lagi, yang semuanya ditentukan secara jelas mengikut al-Quran dan undang-undang Islam. Umat Islam juga dibenarkan memakan makanan halal melainkan jika dilarang secara khusus oleh al-Quran atau undang-undang Islam (Lada 2009). Dalam matlamat hidup, makan bukanlah sekadar untuk mengisi perut saja, menurut Rouse & Houskins (2004), matlamatnya adalah ekspresi tingkah laku sosial, peribadi dan komuniti agama.

Konsep pemakanan dalam Islam adalah berteraskan halalan tayyiba. Konsep ini adalah suatu pengamalan pemakanan yang bukan sahaja bernutrisi dan halal, bahkan baik lagi suci yang menjadi pembentukan Muslim cemerlang pada intelektual dan syaksiah. Pengamalan pemakanan yang halal lagi baik membantu seseorang muslim melakukan amalan soleh dan lebih bersyukur kepada yang Maha Kuasa.

Sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam al-Quran tentang hubungan antara pemakanan dan amalan soleh melalui firman Allah SWT:

يَتَأْتِيهَا الرُّسُلُ كُلُّوْا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَأَعْمَلُوا صَالِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ

“Wahai Rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; Sesungguhnya Aku Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan” (al-Mu'minūn :51).

## 2. Makanan yang Baik (Halalan Ṭayyiban)

Firman Allah swt:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوْا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ



Maksudnya: “Wahai sekalian Manusia! Makanlah daripada apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu”.

Halal menurut al-Jurjani dalam Kitāb al-Taʿrifat dengan maksud pertama merujuk kepada keharusan menggunakan apa-apa atau benda-benda yang diperlukan bagi memenuhi keperluan jasmani seperti makanan, minuman dan ubat-ubatan. Manakala pengertian halal dengan maksud yang kedua adalah berkaitan dengan keharusan memakan, meminum, memanfaatkan dan mengerjakan sesuatu yang ditentukan berdasarkan nas.

Kata sifat “ṭayyib” menurut pandangan al-Ṭobāri, ṭayyib merupakan sesuatu bersih, berkualiti, tidak najis dan tidak haram untuk di makan. Ringkasnya, Allah swt perintahkan dalam hal makanan bukan hanya memakan makanan yang halal semata-mata, tetapi ia melangkaui ke satu tahap yang lebih tinggi daripada itu, iaitu memakan makanan yang halal yang bersifat elok, baik atau tinggi mutunya. Firman Allah swt:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُّوْا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَأَشْكُرُوا لِلَّهِ إِنْ كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ



Maksudnya: “Wahai orang yang beriman, makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadaNya”.

Pelbagai takrifan yang telah diberikan oleh ulama berkaitan dengan ‘*al-ṭayyib*’. Antaranya Fakhr al-Razi menjelaskan *al-ṭayyib* dari segi bahasa bermaksud bersih dan halal disifatkannya baik. Manakala asal perkataannya merujuk kepada apa yang menyedapkan dan bersesuaian. Menurut Ibn Kāthir dan al-Ṣābūnī menjelaskan ‘*halalan ṭayyiba*’ ialah ‘halal’ merupakan apa yang telah dihalalkan oleh Allah swt. Manakala ‘*ṭayyiba*’ merujuk kepada sesuatu yang halal yang bersesuaian dengan diri seseorang serta tidak mendatangkan sebarang kemudaratan pada tubuh badan dan akal. Pentafsiran ini menekankan soal kesesuaian dan keselamatan diri hasil daripada penggunaan barangan atau makanan yang halal bukan soal halal semata.

Umumnya, bukan semua makanan yang halal adalah *tayyiban* tetapi kebiasaannya setiap makanan yang *tayyiban* pasti halal. Hal ini kerana halal adalah merujuk kepada sesuatu yang dibenarkan atau dianggap suci oleh syarak. Manakala *tayyiban* adalah aspek yang merangkumi soal kualiti, integriti, kebersihan dan keselamatan makanan seperti yang dinyatakan Mohd Anuar & Mohammad Aizat (2016). Oleh yang demikian, setiap produk makanan yang dihasilkan jika memenuhi konsep *halalan tayyiban* akan lebih terjamin aspek kesucian dan kualiti makanannya.

### 3. Sumber Perolehan Makanan yang Baik

#### a. Pengetahuan mengenai proses penyediaan sesuatu makanan

Konsep halal terutamanya mengenai makanan adalah satu proses yang bermula dari sumber, bermakna dari sumber asal hinggalah kepada penyediaannya, yang semestinya pemakanan paling baik dan disediakan dengan menggunakan bahan-bahan yang dibenarkan dengan cara yang bersih dan selamat (Pepper et al, 2009). Makanan halal mestilah diambil daripada produk yang halal termasuklah ramuan di dalamnya. Bahan ramuan halal itu tidak boleh dicampurkan dengan bahan-bahan haram ataupun syubhah kerana ramuan itu juga akan menjadi haram. Manakala binatang yang halal dimakan mestilah disembelih mengikut hukum syarak dan kaedah-kaedah ditetapkan dalam Islam Zainul Rijal (2017). Makanan halal adalah untuk dimakan oleh golongan Muslim dan dibenarkan dalam agama mereka

Menurut Bonne et al. (2009) umat Islam yang mengikuti ajaran Islam dan mempunyai identiti Islam secara keseluruhannya akan mewujudkan permintaan bagi makanan yang mematuhi undang-undang dan peraturan Islam. Manakala, Tieman (2006) menjelaskan kaum muslim turut memastikan makanan dan produk yang mereka gunakan adalah halal, termasuk pengeluaran, penyediaan, pengurusan dan simpanan.

#### b. Mempunyai logo halal

Pengenalan logo halal oleh JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) telah melahirkan banyak kesedaran di kalangan umat Islam mengenai kepentingan memakan produk atau perkhidmatan yang mengikut garis panduan dan prinsip Islam. Sanep et al. 2007, mendapati bahawa majoriti pengguna Muslim bersetuju melihat logo halal dan membaca kandungan memberi keyakinan kepada pengguna untuk membeli barangan makanan tersebut. Setiap logo halal berperanan sebagai satu alternatif bagi pengguna dalam memilih produk makanan yang berkualiti dan bersih. Malah menurut Lokman (2005) logo halal banyak mendatangkan manfaat seperti memudahkan pengguna muslim kerana barangan yang berlogo halal disifatkan sebagai halal dan selamat untuk digunakan. Ahmad Sanep et al. (2007) dalam kajiannya mendapati responden yang beragama Islam amat sensitif terhadap pembelian sesuatu produk halal di pasaran dan juga kajian oleh Mohani et.al (2009) yang menyatakan bahawa 99.0 peratus daripada responden amat prihatin terhadap penggunaan logo halal pada produk makanan.



c. Tidak mengandungi unsur syubhah

Menurut Syed et.al (2011) syubhah ini berlaku berkemungkinan hasil keraguan daripada cara penyediaan, pemprosesan, bukannya daripada nama bagi jenis makanan itu sendiri dan sebagainya. Tambahan pula, dengan perkembangan sains dan teknologi, pelbagai kaedah dilakukan dalam industri makanan sehingga sukar untuk diklasifikasikan samada ia halal atau haram. Oleh itu, cara yang terbaik bagi mengelakkan diri daripada terjerumus ke dalam makanan yang dikatakan syubhah adalah dengan mengambil pendekatan wara'. Wara' iaitu sikap berhati-hati kerana takut berbuat sesuatu yang haram. Ia digalakkan untuk menjauhkan diri dari masalah yang masih syubhah.

d. Maklumat makanan dan pemakanan yang tepat

Bagi menepati kriteria makanan dan pemakanan yang baik, setiap produk atau apa-apa perkara terutamanya berkait dengan makanan perlu disertakan label. Pelabelan makanan ini adalah penting kerana fungsi label adalah pemberi maklumat kepada pengguna mengenai manfaat kesihatan, kehalalan produk serta jenis nutrien yang terkandung. Ia juga sebagai usaha bagi memantau kualiti produk serta memastikan segala maklumat yang dipaparkan adalah betul bagi menjamin keselamatan pengguna (Anis & Yusmariza 2010).

## Kepentingan Makanan Halal

Menurut Syed et. al (2008) implikasi Halal dan Haram dalam pemakanan terhadap kesempurnaan ibadah:

1. Doa orang yang memakan makanan haram tidak diperkenankan oleh Allah swt berdasarkan maksud sebahagian hadis dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: "Kemudian ia menyambut seorang lelaki yang jauh perjalanannya, yang kusut masai rambutnya, lagi berdebu mukanya menghulurkan kedua tangannya ke langit sambil berdoa: Hai Tuhanku, hai Tuhanku, padahal makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram dan diberi makan dengan yang haram pula, maka bagaimanakah mungkin itu diperkenankan baginya?"
2. Baiknya pemakanan seseorang dan bersumberkan halal adalah syarat kepada kesempurnaan amalannya. Seorang yang hidup mengamalkan pemakanan yang halal dan baik akan memberi kesan kepada kesucian hati serta beramal ibadah dengan lebih sempurna. Sebaliknya pemakanan yang haram akan menjadi pendinding yang menghalang sesuatu amalannya itu diterima oleh Allah.

## Kesan Pengambilan Makanan Haram

Terdapat banyak kesan-kesan buruk yang disebut oleh para ulama akibat daripada pengambilan makanan dan minuman yang haram (Abdullah 2018), antaranya:

1. Dagingnya akan dibakar dalam neraka. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, “Tiap-tiap daging yang tumbuh dari benda yang haram, maka neraka lebih utama untuknya”. (HR Tirmizi)
2. Hilang keberkatan dalam hidup. Makanan dan minuman yang haram akan menghilangkan keberkatan hidup dan juga harta benda, meskipun perolehannya baik, namun tidak kekal lama. Selain itu, jiwa sentiasa gelisah, tidak tenang dan tidak bahagia serta hidup penuh dengan masalah.
3. Hati menjadi keras. Imam Ahmad ditanya bagaimana cara melembutkan hati. Beliau menjawab, dengan memakan makanan yang halal. Perlu diingatkan bahawa hati merupakan anggota dalaman yang sangat penting dalam tubuh manusia, baik atau rosaknya anggota zahir adalah berpunca dari hati, sebagaimana sabdanya, “Ketahuilah bahawa dalam tubuh badan terdapat seketul daging yang apabila baik, nescaya baiklah seluruh tubuh badan dan apabila rosak, nescaya rosaklah seluruh tubuh badan, ketahuilah itulah hati.” (HR Bukhari dan Muslim)

## Label

### Definisi dan Ciri-ciri Label

Menurut *Kamus Dewan* (2016) label merupakan kepingan kecil kertas, kad yang diletakkan atau ditampalkan pada sesuatu seperti botol, bekas, beg untuk memberikan sedikit keterangan nama, jenis, kandungan dan harga. Manakala, pelabelan bermaksud semua label dan grafik-grafik (Ahmad 1991) serta tulisan yang tercetak pada sesuatu yang terdapat informasi atau maklumat ringkas tentang produk yang dikeluarkan (Kurniawan 2014; Ahmad 1991). Antara maklumat-maklumat yang terkandung dalam pelabelan ialah nama produk atau makanan, tarikh pengeluaran atau pemprosesan, tarikh luput (akhir), nama dan alamat pengeluar atau pengilang, berat bersih, komposisi bahan, harga produk, info nilai gizi, panduan menyediakan makanan dan simbol halal (Bandara 2016; Kurniawan 2014; Ahmad 1991). Bagi mengelakkan kekeliruan, pengeluar perlu menyatakan dengan teliti maklumat dan penerangan mengenai produk untuk mengelakkan pengguna dari penyalahgunaan label makanan, selain itu, pengeluar disarankan untuk menyatakan maklumat yang lengkap tentang komposisi produk makanan tersebut (Cheftel 2005).

Seksyen 2 Akta Makanan mendefinisikan label sebagai meliputi apa-apa tag, tanda, jenama, benda bergambar atau lain-lain perkara perihalan, yang bercetak, bertulis, bertanda, berstensil, bercetak timbul, bercat atau dicap pada apa-apa makanan atau dimasukkan ke dalam makanan menjadi sebahagian makanan atau dilekatkan atau disertakan dengan apa-apa makanan. Manakala seksyen yang sama mentafsirkan makanan sebagai meliputi setiap barangan di jual, di kilang, atau diberi gambaran untuk digunakan sebagai makanan atau minuman kegunaan manusia atau yang masuk pada atau digunakan campuran, pengawetan apa-apa makanan atau minuman, penyediaan dan meliputi gula-gula, benda-benda kunyahan dan apa-apa ramuan bagi makanan, minuman, gula-gula atau benda-benda kunyah. Definisi yang

diperuntukkan ini merupakan satu definisi yang luas mengenai perbuatan yang dikategorikan sebagai pelabelan (Anis & Yusmariza 2010).

## **Fungsi dan Kepentingan Penggunaan Label**

Besler et.al (2012) menyatakan maklumat produk yang ingin disampaikan perlu menggunakan teknik atau kaedah yang betul dan bersesuaian agar dapat difahami oleh pengguna dan berfungsi sebagai kuasa tarikan dalam pembelian. Bertepatan dengan kenyataan Azim (2018) label sangat penting untuk dibaca, lebih khusus lagi, pengguna harus memahami apa yang ditulis dan dipamerkan pada label bukan sekadar hanya melihat pada jenama sahaja. Selain itu, menurut Janice Albert (2010) dan Van Herpen dan Van Trijp (2011) label produk berfungsi menyampaikan maklumat produk kepada pengguna untuk membuat pemilihan pembelian yang menepati keperluan dan kehendak serta memilih produk yang terbaik terutamanya produk penjagaan kesihatan. Dalam hal ini, label merupakan komponen penting dalam proses pembelian produk terutamanya produk makanan.

Selain itu, pelabelan penting bagi pengguna untuk mengetahui status kelulusan barangan. Terutamanya logo halal, ianya dapat membantu pengguna memilih produk tanpa keraguan membantu pengguna menentukan produk itu memang halal (Cheng 2008). Dalam masa yang sama setiap label perlu menerangkan serba sedikit tentang maklumat bahan-bahan yang digunakan. Hal ini dapat membantu pengguna mendapatkan produk yang halal serta berkualiti tinggi. Produk yang disahkan sebagai halal merupakan produk yang bersesuaian dengan pengguna-pengguna Islam, termasuk makanan (Tieman 2011). Pengetahuan tentang produk halal merupakan faktor yang tertinggi mempengaruhi kesedaran pengguna terhadap produk halal (Norafni et al. 2013).

Label pemakanan bukan sahaja berfungsi sebagai satu saluran yang menunjukkan ciri-ciri pemakanan sesebuah produk, tetapi juga membolehkan pengguna membuat pilihan makanan yang berkhasiat dan menggalakkan persaingan ke atas kualiti pemakanan (Baltas, 2001). Pelabelan berperanan menerangkan tentang kesesuaian produk makanan berdasarkan faktor agama serta pengguna yang vegetarian bagi mengelakkan berlakunya penyakit seperti keracunan yang disebabkan oleh produk makanan dan untuk mengenal pasti sama ada produk makanan itu daripada sumber organik ataupun tidak (Bandara 2015). Selain itu, setiap label perlu disertakan fakta-fakta tentang nutrisi bagi memudahkan pengguna atau pembeli menilai kalori yang terkandung dalam produk terutamanya produk berasaskan makanan. Label yang mencatatkan nilai nutrisi merupakan aspek penting bagi pengguna perhatikan dan teliti ketika proses pembelian. Kebanyakan pengguna amat menitik berat tentang nutrisi dalam produk makanan (Bandara 2015; Kurniawan 2014).

Menurut Ahmad (1991) produk makanan boleh dianggap memperdayakan pengguna sekiranya maklumat yang tercatat pada produk tidak benar dan mengelirukan. Oleh itu, perkataan ataupun terma yang tertulis pada produk mesti jelas dan nyata tidak terselindung dan diberi keterangan yang cukup bagi memastikan pengguna memahami dan mengetahui apa yang mereka beli (Sam Wong 2010; Ahmad 1991). Dalam aspek pembungkusan dan pelabelan telah ditetapkan syarat-syarat termasuk dikendalikan dengan bersih, pelabelan ditanda dengan terang dan jelas dengan maklumat yang sepatutnya dinyatakan, bahan pembungkusan tidak dibuat

daripada sebarang bahan yang disahkan najis oleh hukum syarak serta makanan halal atau bahan perisa tiruan halal hendaklah tidak menggunakan nama dengan istilah yang mengelirukan atau merujuk kepada makanan yang tidak halal. (lihat butiran 3.7.1 hingga 3.7.5 dalam Jabatan Standard Malaysia (2009), MS 1500:2009, op.cit, h.10-11.). Jelas label amat penting kepada setiap pembeli dan pengguna dalam membuat pemilihan dan urusan pembelian.

## Isu Makanan Halal dan Pelabelan

Isu yang sering terjadi adalah tindakan pengeluar menyalahguna logo halal sebagai alat pemasaran yang mampu menarik pelanggan Islam serta bukan Islam. Bernama 28 Mac 2016, melaporkan penyalahgunaan logo halal bagi produk berasaskan daging babi. Hal ini, melanggar peraturan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 berkaitan penggunaan logo halal. Sirajuddin (2016) mengatakan jelas bahawa produk tersebut tidak akan diberi pengiktirafan oleh JAKIM kerana mengeluarkan produk makanan berasaskan daging bukan halal. Selain itu, perkara yang lebih membimbangkan pengeluar sanggup mereka sendiri logo halal bagi memasarkan produk mereka, ini dapat dibuktikan dalam laporan keratan akhbar *Harian Metro* 5 Januari 2018, premis menggoreng dan membungkus keropok udang di Lawan Kuda, Gopeng menggunakan logo halal rekaan sendiri tanpa pengesahan JAKIM pada bungkusannya.

Selain itu, keratan akhbar *Sinar Harian* 23 April 2019 turut melaporkan isu penggunaan logo halal palsu, sebanyak 27 tan kurma menggunakan logo halal palsu. Kebanyakan kurma diimport dari pelbagai negara dan menggunakan logo halal tanpa kebenaran JAKIM, malah logo yang digunakan tidak sama dengan logo asli. Menurut Ridzuan (2019), penggunaan logo tanpa kebenaran tidak boleh digunakan secara sewenang-wenangnya kerana boleh mendatangkan mudarat kepada pengguna terutama pengguna Muslim. Selain isu penyalahgunaan logo, isu keselamatan makanan juga sering berlaku yang mana produk yang dikeluarkan tidak meletakkan label mengenai kandungan produk. Menurut keratan akhbar *Berita Harian* 29 Jun 2016, produk makanan biskut raya tidak meletakkan label. Pengusaha mengabaikan peraturan keselamatan makanan kerana tidak menyatakan maklumat berkaitan kandungan, tarikh luput, perisa makanan dan ramuannya. Dalam hal ini, tanpa pelabelan pada pembungkusan sesuatu produk boleh menimbulkan keraguan dalam aspek keselamatan makanan.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan Islam menekankan supaya sesuatu makanan perlu datang daripada sumber yang baik dan berkhasiat. Imam Ibnu Kathir mentafsirkan makanan yang baik sebagai makanan yang sesuai dengan selera di samping ia tidak mendatangkan kemudaratan kepada badan dan akal. Islam mempunyai garis panduan dan peraturan dalam semua aspek kehidupan termasuklah perkara yang berkaitan dengan makanan dan pemakanan halal. Garis panduan ini memastikan orang Muslim menjadi pemilih dalam memilih makanan. Oleh itu, setiap Muslim yang beriman dengan kitab Allah hanya akan memakan makanan yang bersih, berkhasiat dan selamat bagi membentuk tubuh badan yang sihat dari segi fizikal serta spiritual. Pemahaman dan keperluan kepada ketentuan makanan dan pemakanan halal yang

berlandaskan al-Quran dan sunnah serta pendapat para ilmu amat penting dan menjadi panduan oleh pengguna serta pengeluar produk halal.

Seterusnya, untuk masyarakat tidak terus terkeliru dengan situasi penggunaan label, pihak berwajib perlu mengambil langkah proaktif. Contohnya, mungkin dapat disampaikan maklumat dalam bentuk yang mudah dan istilah yang difahami oleh segenap lapisan masyarakat berbanding dengan istilah-istilah saintifik. Paling tidak masyarakat mengharapkan senarai atau maklumat dihebahkan secara saksama dan berkesan. Pelabelan yang baik seharusnya perlu meyakinkan dan berasa selamat dengan makanan yang dipilih serta mampu membeli mengikut keperluan sama ada untuk tujuan kesihatan, harga atau lain-lain. Malahan pelabelan makanan dapat dilihat sebagai salah satu cara bagi mengawal tindakan pengeluar makanan yang cuba untuk mendapatkan hasil keuntungan dengan pelbagai cara seperti menggunakan bahan-bahan tiruan ataupun terlarang atau bahan berkualiti rendah yang boleh memudaratkan kesihatan pengguna. Kerajaan sewajarnya perlu meningkatkan aspek penguatkuasaan dengan mempelbagaikan cara dan langkah bagi melatih agensi penguatkuasaan di Malaysia termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia. Dalam masa yang sama kerajaan boleh menganjurkan lebih banyak latihan dan kursus penguatkuasaan meliputi pemeriksaan dan pengesahan pelabelan dari semasa ke semasa. Oleh itu, perlu pada pihak kerajaan dan pengeluar melaksanakan atau memantapkan undang-undang yang telah ditetapkan bagi menghasilkan pelabelan yang boleh menjamin keselamatan semua pihak.

## Rujukan

- Abdullah Syukri. 2018. *Kesan daripada Makanan dan Minuman yang Haram*. Khutbah Jumaat Masjid UMT. Terengganu.
- Ahmad H. Sakr. 1991. *Ramuan Makanan Islam*. Cetakan Pertama. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Ahmad Hidayat Buang, "Misi Akta Halal Masih Jauh". 2013 . Utusan Online.
- Baltas, G. 2001. Nutrition Labelling: Issues and Policies. *European Journal of Marketing*. 35: 708-721.
- Bandara, B.E.S., De Silva, D. A. M., Maduwanthi, B.C.H. & Warunasinghe, W.A.A.I. 2016. Impact of food labeling information on consumer purchasing decision: With special reference to faculty of Agricultural Sciences. *Procedia Food Science* 6: 309-313.
- Bayan Linas. 2016. Penamaan Makanan dan Minuman: Status Halal dan Isunya. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/1109-bayan-linnas-siri-ke73-penamaan-makanan-dan-minuman-status-halal-dan-isunya>.
- Bonne, K. Vermair, I. Bergeaud-Blackler, F. & Verbeke, W. (2007). Determinants of Halal Meat Consumption in France. *British Food Journal*, 109(5):367-386.
- Golnaz Rezai, Zainal Abidin, Mad Nasir & Eddie Chiew. 2009. Concerns for halalness of labelled food products among Muslim consumers in Malaysia: Evaluation of selected demographic factors. *Economic and Technology Management Review*. 4: 65-73.
- Harlida Abdul Wahab & Alias Azhar (2014). Halalan Tayyiban dalam Kerangka Perundangan Malaysia. *Jurnal Kanun* 1: 103-120.

- Hifza Rahimah Ibrahim & Mohd Zhafran Helmi Mokhtarudin.2010. Fraudulent Quality Labelling: Case of Halal Labelling. *China-USA Business Review* 9(9): 46-64.  
<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/jakim-siasat-penyalahgunaan-logo-halal-untuk-produk-daging-babi-100164>  
<https://www.bharian.com.my/node/169414>  
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/01/300361/reka-sendiri-logo-halal>  
<https://www.sinarharian.com.my/article/25019/EDISI/Utara/27-tan-kurma-guna-logo-halal-palsu-dirampas>
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il. 1998. *Tafsir Ibn Kathir*. Mesir: Dar al-Kalimah.
- Janice Albert.2010. Introduction to Innovations In Food Labelling. Food and Agricultural Organization of The United Nations (FOA). Italy.
- al-Jurjani. 1985. *Kitab at-Ta'rifat*. Maktabah Lubnan.
- Kurniawan, Budi Sutrisno. 2016. Tanggungjawab pelaku usaha terhadap pemberian label halal pada produk makanan dan minuman perspektif hukum perlindungan konsumen. *Jurnal IUS* 4(2): 2-21
- Lada, S. Harvey Tanakinjal, G. & Amin, H. 2009. Predicting intention to choose halal products using theory of reasoned action. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 2(1): 66-76.
- Lokman Ab. Rahman .2005. Shariah & Malaysian Halal Certification System. *Jurnal Penyelidikan Islam* 18: 15-36.
- Mohani, A., Hashanah, I., Haslina, H., & Juliana, J. 2009. Consumer decision making process in shopping for halal food in Malaysia. *China-USA Business Review*, 8(9): 40-48.
- Mohezar S., Suhaiza Zailani & Zainorfarah Zainuddin.2016. Halal Cosmetics Adoption among Young Muslim Consumers in Malaysia: Religiosity Concern. *Global Journal Al-Thaqafah* 6(1): 47-59.
- Nik Mohd Azim Nik Daud & Zunaidah Razali. 2018. Label: Kepentingannya Untuk Pembungkusan Makanan Dalam Percetakan. *National Innovation and Invention Competition Through Exhibition*. Polioteknik Sultan Abdul Halim Mu'azam Shah.
- Noor Fazreen Mohd Aris & Asmak Ab Rahman. 2010. Perlaksanaan Dasar Sekuriti Makanan Di Malaysia: Kajian Dari Perspektif Ekonomi Islam. *Prosiding PERKEM V*. Jld 2 (2010) 357-367 ISSN: 2231-962X
- Ottaway, P.B. 2003. Food Labelling; *Encyclopedia of food science and nutrition*. Hereford, UK: Berry Ottaway & Associates Ltd.
- Phuah, Kooi Ean. 2006. *Pemakanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Razi. 1995. *Tafsir al-Fakhr al-Razi*. j.3. Beirut: Dar al-Fikr.
- Rouse, C. & Hoskins, J. 2004. *Purity, soul food and Sunni Islam: Explorations at the intersection of consumption and resistance*. Culture. Palgrave: New York, NY.
- al-Sabuni.1997. *Safwah al-Tafasir*.j.1. Kaherah: Dar al-Sabuni.
- Salman, F. & Siddiqui, K. 2011. An Exploratory study for measuring consumers awareness and perceptions towards halal food in Pakistan. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research In Business*. 3(2): 120-130.

- Sam Wong, 2010. *Label Pada Pembungkusan Makanan Mengelirukan Pengguna*.  
<http://www.konsumerkini.net.my/v2/index.php/berita-terkini/isu-makanan/198-label-pada-pembungkusan-makanan-mengelirukan-pengguna>.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid dan Surtahman Kastin. PKS di Persada Dunia Melalui Tanda Halal: Kes Gelagat Pengguna. *Convention of Islamic Entrepreneurships 2007* Anjuran KUIM pada 20-21 Januari 2007.
- Sirajuddin Suhaimie. 2016. Konvensyen Badan Pensijilan Halal ke 7.
- Suhaila Abdul Rahman. 2010. Malaysia Peneraju Industri Halal Dunia. *Dewan Ekonomi* 14-16.
- Syed M.H, Muhammed Yusof & Luqman Abdullah. 2008. Konsep 'Halalan Tayyiba' dalam Pemakanan dan Implikasinya Terhadap Kesempurnaan Ibadah. *Jurnal Usuluddin*, 28: 79-92.
- Syed, S.A. & Nazura, M.S. 2011. Applying the Theory of Planned Behavior (TPB) in halal food purchasing. *International Journal of Commerce and Management*, 21(1): 8-20.
- al-Tabari, Muhammad bin Jarir. 1405. *Tafsir at-Tobari*. Beirut: Darul Fikr.
- Zalina Z. 2008. Tapping into the world halal market: some discussions on Malaysian laws and standards. *Jurnal Syariah*, Keluaran Khas 16: 603-616.
- Zul Ariff. 2013. Effects of Food Labels on Consumers Purchasing Behaviour in Malaysia. Tesis. Universiti Putra Malaysia.
- Zulkifli Mohd Yusof. 2009. *Kamus al-Quran*. Kuala Lumpur: PTS Islamika.